

3755/2
Perdagangan
Kertas 2
Ogos
2010
2 jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK
2010**

PERDAGANGAN

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian B.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

Bahagian A


[75 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja.

- 1 (a) Berikut adalah maklumat mengenai Saleh dan Abu.

Situasi X	Situasi Y
Saleh membelanjakan wangnya dengan membeli beras, gula, kopi, dan membayar bil elektrik rumah.	Abu berbelanja membeli barang kemas <i>Tulian</i> , menonton wayang dan makan ais krim bersama rakan-rakannya.

- (i) Apakah Y? [1 markah]
 (ii) Terangkan **dua** ciri Y. [4 markah]
- (b) Terangkan **tiga** jenis nilai faedah dalam pengeluaran. [6 markah]
- (c) Gambar 1 menunjukkan satu jenis pengkhususan yang terdapat di Kilang Pakáian Cantik.



Encik Rajoo - Tukang
Kebun



Puan Rabitah - Kerani



Encik Tajul - Operator
Pengeluaran

Gambar 1

- (i) Huraikan satu jenis pengkhususan lain yang terdapat di kilang tersebut. [3 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** kelemahan pengkhususan dalam pengeluaran di kilang tersebut. [7 markah]
- (d) Terangkan **dua** perbezaan antara perdagangan dengan perniagaan [4 markah]

2 (a) Berikut ialah maklumat urus niaga antara Kedai Wonderful dengan Kedai Indah.

Pembekal	:	Kedai Wonderful
Peruncit	:	Kedai Indah
Syarat diskaun	:	Diskaun niaga 20% Diskaun tunai 5% 7 hari; 1% 30 hari
Jumlah belian	:	RM 15 000
Tarikh penghantaran barang	:	12 Jun 2010
Tarikh penjelasan bayaran	:	2 Julai 2010

(i) Nyatakan dokumen yang dihantar oleh Kedai Wonderful kepada Kedai Indah selepas 12 Jun 2010.

[1 markah]

(ii) Berapakah amaun yang perlu dibayar oleh Kedai Indah pada 2 Julai 2010?

[4 markah]

(b) Rajah 2 menunjukkan sejenis saluran agihan.



Rajah 2

(i) Senaraikan **empat** ciri barang yang sesuai menggunakan saluran agihan tersebut

[4 markah]


(ii) Mengapakah Helikopter Malaysia Sdn. Bhd. memilih saluran agihan tersebut

[6 markah]

(c) Terangkan **tiga** kelebihan perniagaan runcit kecil-kecilan.

[6 markah]

(d) Gambar 2 menunjukkan perkhidmatan yang telah dijual kepada pengguna melalui satu jenis kaedah jualan.



Gambar 2

Jelaskan **dua** kelebihan kaedah jualan tersebut kepada penjual

[4 markah]

- 3 (a) Terangkan tiga faedah perniagaan antarabangsa kepada pengguna [6 markah]
- (b) Pernyataan berikut berkenaan 2 jenis perniagaan.

PERNIAGAAN A
<ul style="list-style-type: none"> • Ali dan Abu mengusahakan ladang herba • Membekalkan herba seperti serai dan sireh kepada Perniagaan B

PERNIAGAAN B
<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat Kosmetik Herba Sdn Bhd merupakan sebuah perniagaan IKS • Pengeluar kosmetik berasaskan herba tempatan berasaskan serai dan sireh • Membekalkan produk kepada pengguna di sekitar negeri Perak, Selangor dan Pulau Pinang

- (i) Huraikan kegiatan IKS yang diceburi oleh Perniagaan B. [3 markah]
- (ii) Terangkan **dua** sumbangan Perniagaan B kepada masyarakat. [4 markah]
- (iii) Terangkan empat perbezaan antara jenis milikan Perniagaan A dan Perniagaan B. [8 markah]
- (c) Senaraikan empat peranan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) [4 markah]

- 4 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Samad.

Encik Samad membuka gerai menjual buah-buahan di Melaka. Beliau telah mendapat kemudahan kredit selama sebulan dan dikehendaki membayar kepada pembekal dengan menggunakan cek.


- (i) Nyatakan jenis bank yang patut dipilih oleh Encik Samad. [1 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** perkhidmatan lain yang disediakan oleh bank tersebut. [6 markah]
- (b) (i) Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi bayaran premium insurans kebakaran. [6 markah]
- (ii) Terangkan prosedur membuat tuntutan gantirugi [6 markah]
- (c) Maklumat berikut dipetik daripada sebuah akhbar tempatan.

Selepas projek landasan berkembar elektrik disiapkan nanti masa perjalanan antara Penang dan Kuala Lumpur akan dipendekkan daripada 9 jam kepada 3 jam sahaja.

- **MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd**

Jelaskan kelebihan jenis pengangkutan tersebut. [6 markah]

- 5 (a) Gambar 3 menunjukkan sejenis perkhidmatan mel.



Gambar 3

Jelaskan perkhidmatan tersebut.

[4 markah]

- (b) Terangkan empat peranan pergudangan dalam perniagaan.

[8 markah]

- (c) Gambar 4 menunjukkan satu jenis promosi.

Oleh **NAZRUL AZIM SHARUDDIN**
nazrulsharuddin@utusan.com.my
 Gambar SHAHRIL AZMAN ZAIN

SELEPAS perluasan aplikasi untuk layar panel rata plasma, LCD dan juga LED, pengguna kini bakal menikmati pengalaman tontonan televisyen lebih menakjubkan menerusi format tiga dimensi (3D) secara total.

Transformasi moden pada produk elektronik tersebut menawarkan keunggulan teknologi pengimejan premium dan luar biasa untuk memberi lebih kepuasan tontonan.

Melaluinya, penonton akan dibawa menyelusuri dunia paparan televisyen seolah-oleh bernyawa dengan sokongan kualiti serta ruang timbul yang lebih jelas dan nyata.

Itu yang ditawarkan oleh syarikat peneraju produk media digital, Samsung Electronics ketika memperkenalkan rangkaian televisyen LED 3D berdefinisi tinggi (HD) penuh baru-baru ini.

Pengenalan televisyen LED 3D pertama di dunia ini, Samsung turut menampilkan model LCD 3D, Plasma 3D, pemain Blu-ray dan sistem teater rumah yang turut disokong fungsi 3D.

Model yang dimaksudkan adalah LED 8000, LED 7000, LED 6000, LCD 750 dan PDP 7000 selain LED 9000 yang akan memasuki pasaran menjelang Julai

Gambar 4

- (i) Apakah jenis promosi tersebut?

[1 markah]

- (ii) Terangkan kelebihan jenis promosi tersebut kepada pengeluar

[4 markah]

- (d) Terangkan hak anda sebagai pengguna?

[8 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

- 6 Perniagaan Prisma Global merupakan perniagaan berasaskan laman sesawang yang dimiliki oleh Puan Rozalina Azman. Beliau yang merupakan seorang penyelia di sebuah kilang pakaian di Pulau Pinang telah menubuhkan perniagaan ini 3 tahun yang lalu dengan tujuan menambah pendapatan. Beliau tertarik dengan cara ini setelah melihat pelbagai laman perniagaan semasa melayari internet. Beliau menjual pelbagai jenis barang seperti pakaian, kosmetik, kelengkapan rumah serta beraneka jenis biskut dan kek.

Memandangkan perniagaannya semakin berkembang, rakan sekerjanya pernah menasihatkan beliau supaya membuka sebuah kedai dengan menyewa ruang niaga di kompleks BESCO. Namun beliau enggan dengan alasan kaedah yang digunakannya sekarang adalah lebih berkesan dan menguntungkan. Menurut Puan Rozalina, kos operasi perniagaannya adalah rendah. Oleh itu beliau boleh mendapat untung lebih tinggi berbanding jika membuka kedai di kompleks BESCO.

Hingga kini cara bayaran yang diamalkan oleh perniagaannya ialah dengan cara pelanggan menghantar draf bank atau memasukkan wang ke dalam akaun beliau. Beliau sedang memikirkan cara lain yang membolehkannya mendapat pembayaran yang lebih terjamin memandangkan beliau mungkin mendapat pelanggan dari luar negara.

Kini perniagaannya mendapat tempahan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Namun hingga kini beliau masih belum mendapat tempahan dari luar negara. Beliau sedang memikirkan cara untuk mendapatkan pelanggan luar negara. Rakannya mencadangkan agar beliau mendapatkan nasihat daripada agensi kerajaan yang dapat membantu meluaskan pasarannya.

- (a) (i) Apakah cara yang dipilih oleh Puan Rozalina untuk memulakan perniagaannya? [1 markah]
- (ii) Jelaskan bentuk peruncitan yang dijalankan oleh Prisma Global? [5 markah]
- (b) Terangkan empat sebab Puan Rozalina berpendapat cara perniagaannya lebih berkesan dan menguntungkan? [8 markah]
- (c) (i) Jelaskan dua cara pembayaran lain yang boleh digunakan oleh pelanggannya. [8 markah]
- (ii) Jelaskan sebuah agensi kerajaan yang boleh membantu Prisma Global mendapat pelanggan luar negara [3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT